

**BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM        WARAHMATULLAHI        TAALA  
WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1  
MALAYSIA.**

**ALHAMDULILLAH SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN SAYA  
PANJATKAN KEHADRAT ILAHI DI ATAS LIMPAH RAHMAT  
DAN INAYAHNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA  
MALAM YANG PENUH INDAH INI.**

**TERIMA KASIH SAYA PANJATKAN KEPADA NAIB  
CANSELOR UniMAP, DATO' PROF DR KAMARUDIN HUSSIN  
DI ATAS KESUDIAN BELIAU MENGUNDANG SAYA PADA  
MALAM INI.**

**SEBAGAI CANSELOR SAYA SENTIASA MEMBERIKAN  
SOKONGAN        PADU        DALAM        MEMASTIKAN  
KECEMERLANGAN UNIVERSITI INI.**

**SETTINGGI-TINGGI TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN  
KEPADA JAWATANKUASA PERLAKSANA DAN ATLET-  
ATLET YANG TERLIBAT DI ATAS KERJASAMA YANG  
DIBERIKAN DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI.**

**BUDAYA BERSUKAN HARUS DITERAPKAN DALAM DIRI SETIAP WARGA KERJA KERANA IANYA MAMPU MENCORAKKAN PEMBAWAAN POSITIF INDIVIDU ITU SENDIRI DI SAMPING MENINGKATKAN LAGI TAHAP KECERGASAN FIZIKAL DAN MENTAL.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

**PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA KINI SUDAH PULIH SELEPAS MENCATATKAN PERTUMBUHAN SEBANYAK 4.5 PERATUS PADA SUKU KEEMPAT 2009, DIMANA PRESTASI TERSEBUT JAUH LEBIH TINGGI APABILA ANGKA ITU MELEPASI UNJURAN ASAL IAITU 3.4 PERATUS.**

**SAYA PERCAYA PENINGKATAN ITU SECARA TIDAK LANGSUNG DISUMBANGKAN MELALUI PENINGKATAN PERBELANJAAN DALAM SEKTOR AWAM YANG MEMBAWA KEPADA PERMINTAAN DALAM NEGERI LEBIH BAIK.**

**JUSTERU ITU, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA KAKITANGAN UniMAP AGAR SAMA-SAMA MENINGKATKAN KUALITI KESIHATAN KERANA DENGAN MEMILIKI PEKERJA YANG SIHAT DAN CERGAS MAMPU MENGHASILKAN KUALITI KERJA YANG CEMERLANG DAN SECARA TIDAK LANGSUNG MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.**

**SELAIN PEMAKANAN SEIMBANG, AKTIVITI BERSUKAN MAMPU MENJADIKAN SISTEM BADAN SESEORANG LEBIH SIHAT DAN BERTENAGA SERTA CERIA. SISTEM BADAN YANG SIHAT JUGA MAMPU MENGHINDARI SESEORANG DARIPADA 'DIHINGGAPI' PELBAGAI JENIS PENYAKIT SEPERTI SERANGAN JANTUNG, DIABETES, DARAH TINGGI, OBESITI DAN SEBAGAINYA.**

**JUSTERU, AKTIVITI SUKAN TIDAK HARUS DIPANDANG RINGAN ATAU REMEH DALAM MENJALANI KEHIDUPAN SEHARIAN. SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA AGAR MENERAPKAN BUDAYA BERSUKAN BUKAN SAHAJA DALAM DIRI ANDA MALAHAN SELURUH KELUARGA ANDA.**

**SIDANG HADIRIN SEKALIAN**

**SAYA INGIN MENCADANGKAN AGAR KEGIATAN SUKAN DAN KECERGASAN JUGA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN WAJIB DALAM KELUARGA.**

**INI KERANA BERIADAH BERSAMA KELUARGA BUKAN SEKADAR MEMBERI KESIHATAN BADAN DAN MINDA TETAPI JUGA AKAN MEMBENTUK SEBUAH KELUARGA YANG MESRA.**

**BANYAK LOKASI RIADAH DAN KECERGASAN  
DIWUJUDKAN DI PERLIS DAN IA BOLEH DIMANFAATKAN  
DENGAN SEBAIK MUNGKIN BERSAMA KELUARGA.**

**GUNAKAN RUANG WAKTU PADA SEBELAH PETANG  
UNTUK BERSAMA KELUARGA DALAM KEGIATAN RIADAH  
MANAKALA PADA Hujung MINGGU BOLEH DILAKUKAN  
PADA SEBELAH PAGI.**

**JIKA KEMESRAAN DAN IKATAN KASIH SAYANG TELAH  
WUJUD DALAM INSTITUSI KELUARGA MAKA MASALAH  
GEJALA SOSIAL DALAM MASYARAKAT DAPAT DIKAWAL.**

**SALAH SATU KAEDAH MENGERATKAN KASIH SAYANG  
DALAM KELUARGA IALAH MELALUI KEGIATAN RIADAH  
DAN KECERGASAN SECARA BERSAMA.**

**SIDANG HADIRIN SEKALIAN**

**DI SAMPING KITA MEMELIHARA KESIHATAN KITA  
MELALUI KEGIATAN BERSUKAN DAN BERIADAH, KITA  
JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA  
INFRASTRUKTUR SUKAN DAN KECERGASAN YANG  
DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN DAN PIHAK LAIN.**

**SAYA BIMBANG DENGAN GEJALA VANDALISME DI LOKASI RIADAH DAN KECERGASAN SEHINGGA ADA PERALATAN YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI.**

**PERBUATAN SEUMPAMA ITU BOLEH DIANGGAP SATU PENGKHIANATAN KEPADA ORANG RAMAI YANG AMAT MEMERLUKAN INFRASTRUKTUR ITU.**

**UNTUK MEWUJUDKAN INFRASTRUKTUR KECERGASAN DAN SUKAN MEMERLUKAN KOS YANG BESAR DAN RAKYAT MENGGUNAKANNYA SECARA PERCUMA.**

**HARGA YANG DIBAYAR OLEH PENGGUNA UNTUK MENGGUNAKAN INFRASTRUKTUR ITU HANYALAH MENJAGA KEMUDAHAN ITU DEMI KEPENTINGAN BERSAMA.**

**KEJADIAN VANDALISME INI ADALAH PENYAKIT MASYARAKAT YANG ANTARA LAIN BERPUNCA DARIPADA KEGAGALAN MEWUJUDKAN SEBUAH KELUARGA YANG BERDISIPLIN DAN BERPANDANGAN JAUH.**

**SEHUHUBUNGAN ITU, SAYA AMAT BERHARAP INSTITUSI KELUARGA DIPERKUATKAN DENGAN KEGIATAN KEGIATAN BERFAEDAH TERMASUK MELALUI KEGIATAN RIADAH DAN KECERGASAN SECARA BERSAMA.**

**DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PENUTUP KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP KALI KE 6.**

**Berkhasiat sungguh air halia,  
Dimasak dengan limau madu;  
Beriadah bersukan amalan mulia,  
Rakyat sihat Negara maju.**

**TERIMA KASIH.**